# KPKT cadang tempoh perkhidmatan PBT sepenggal sama dengan ADUN dan Ahli Parlimen

**Astro Awani | Oktober 14, 2019 17:19 MYT**



Zuraida berkata cadangan itu bagi memastikan peranan dan perkhidmatan Ahli Majlis dapat dirasai oleh masyarakat sekaligus memantapkan lagi organisasi PBT di seluruh negara. - Gambar fail

**BAYAN BARU**: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan Ahli Majlis dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini sama seperti tempoh perkhidmatan ADUN dan Ahli Parlimen.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata cadangan itu bagi memastikan peranan dan perkhidmatan Ahli Majlis dapat dirasai oleh masyarakat sekaligus memantapkan lagi organisasi PBT di seluruh negara.

PBT katanya tidak sempat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada penduduk sekiranya pertukaran membabitkan Ahli Majlis kerap dilakukan dalam masa singkat.

Beliau berharap perlantikan Ahli Majlis dibuat bukan disebabkan lantikan politik atau sebagai ganjaran politik sebaliknya jawatan itu perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, berminat untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat selain patuh serta faham prosedur kerja PBT.

"Ada cadangan Ahli Majlis selama sepenggal. Hendak pastikan kualiti ada kesinambungan.

"Diharap lantikan Ahli Majlis bukan sebab ganjaran tetapi 'genuine'. Yang hendak berkhidmat patuh pada prosuder kerja PBT. Dari segi *man power*, ia lebih *solid*," kata beliau pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan PBT 2019 di Bayan Baru pada Isnin.

Mengulas lanjut Zuraida berkata perkara itu masih lagi di peringkat perbincangan dan kertas kerja mengenai cadangan itu akan dibawa kepada Kabinet sebelum ia diluluskan.